

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN
[RANAU]

TARIKH : -

SOALAN

Datuk Dr. Ewon Ebin minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU**
DAN AIR menyatakan bilakah masalah gangguan bekalan elektrik di
negeri Sabah dapat diatasi terutama sekali di Ranau.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan sememangnya sedar akan isu pembekalan elektrik yang kritikal di negeri Sabah. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.22 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) *Rolling Plan* 1, untuk melaksanakan projek-projek penjanaan, pengukuhan sistem penghantaran dan pengukuhan sistem pembahagian di seluruh Sabah.
2. Bagi mengatasi isu gangguan bekalan elektrik di daerah Ranau, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan dua buah projek pengukuhan bekalan elektrik di Ranau iaitu Projek Penambahbaikan Sistem Penjanaan Di Negeri Sabah Melalui Kerja *Rehab* Di Stesen Penjanaan Utama dan Projek *Post Blackout - Improvement Works For Anchor Stations In The East Coast* (Sandakan, Tawau & Lahad Datu) - *Relocating, MO &*

Decomm berjumlah RM7.2 juta di bawah RMKe-11 bagi menurunkan kadar gangguan bekalan elektrik di kawasan tersebut.
